

# Malaysia nafi bekal senjata kepada Bosnia

KUALA LUMPUR 31 Mei — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan laporan *Cable News Network (CNN)* yang menyebut Malaysia adalah antara tiga buah negara Islam yang membekalkan senjata ringan kepada tentera Bosnia bagi menentang pengganas Serb.

Kata beliau, negara ini tidak pernah menjalankan kegiatan perniagaan senjata dengan mana-mana pihak.

"Sekiranya ada pihak yang membekalkan senjata kepada Bosnia, kita tidak tahu menahu mengenainya," kata beliau kepada para pemberita selepas merasmikan pusat latihan vokasional, Institut Malaysia-Jerman di Taman Shamelin Perkasa, Cheras di sini.

Perdana Menteri menyatakan demiki-

an sebagai mengulas laporan berita televisyen *CNN* pagi ini yang antara lain menyebut Malaysia bersama Iran dan Turki membekalkan senjata-senjata ringan kepada rakyat Bosnia untuk mempertahankan diri mereka daripada serangan Serb.

Kata Dr. Mahathir, Malaysia hanya menyediakan senjata kepada tenteranya yang berkhidmat dalam Pasukan Perlindungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNPROFOR) di negara bekas Yugoslavia itu.

Kini terdapat kira-kira 1,500 anggota tentera Malaysia di negara itu.

"Kemungkinan laporan *CNN* menyalah-tafsirkan perkara yang sebenar," katanya.

■ Lihat muka 2

## Malaysia nafi bekal senjata kepada Bosnia ✓

Sementara itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak turut menafikan dakwaan *CNN* itu.

Dalam satu kenyataan akhbar, Najib menegaskan bahawa penglibatan Malaysia hanya terhad kepada soal pengamanan selaras dengan mandat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

"Saya menafikan bahawa Kementerian Pertahanan terlibat

secara langsung atau sebaliknya dengan pengiriman peralatan senjata ke Bosnia," katanya.

Bagaimanapun, beliau menggesa PBB menarik balik sekatan senjata yang dikenakan ke atas Bosnia-Herzegovina supaya pihak Islam yang dizalimi mampu mempertahankan diri.

Katanya, keadaan di Bosnia diburukkan oleh campur tangan pihak-pihak tertentu yang diketa-

hui dunia masih membekalkan senjata kepada puak tertentu dan sekaligus memperolok-olokkan sekatan senjata yang dikenakan oleh PBB.

Jika PBB tidak menarik balik sekatan senjata, kata Najib, pertubuhan itu hanya akan membantu puak-puak yang bertindak ganas untuk meneruskan kerakusan mereka terhadap golongan yang lebih lemah.